

PRIVATE AND CONFIDENTIAL

25 NOVEMBER 2020

## NOTIS PENTING

**Kepada : Semua Selection Business Partner (SBP)**

### **SYARAT KELAYAKAN MENERIMA KOMISYEN UNTUK PELANGGAN “WALK-IN”**

Sila baca dengan teliti notis di bawah.

Pihak pengurusan syarikat dengan ini memaklumkan bahawa untuk setiap ahli Selection Business Partner yang membantu pelanggan “walk-in” kami, adalah diperingatkan untuk memastikan syarat dibawah dipatuhi untuk memperoleh komisyen;

### **SYARAT KOMISYEN**

- Setiap pelanggan “walk-in” adalah dikehendaki memastikan KOD diskaun SBP atau maklumat nama SBP yang membantu mereka ditunjukkan dan/atau diberitahu ketika membuat pembayaran.
- **Sekiranya pelanggan tidak memberi sebarang maklumat atau kod SBP ketika membuat pembayaran**, pihak pengurusan Selection tidak akan bertanggungjawab untuk mengubahsuai rekod jualan dan komisyen SBP setelah transaksi jual beli selesai.
- **SBP perlu** sentiasa mengingatkan kepada pelanggan masing-masing, sekiranya mereka berminat untuk membuat pembelian secara “walk-in” adalah **diharuskan** untuk berkongsi maklumat dan/atau kod diskaun SBP kepada Pembantu Jualan kami **ketika membuat pembayaran**.
- TIADA sebarang tolak ansur mahupun pengecualian dari segala aspek termasuklah sekiranya pelanggan terlupa memberitahu maklumat dan/atau kod SBP ketika membuat pembayaran.
- Syarikat juga tidak bertanggungjawab atas kesalahan maklumat atau kod SBP yang diberikan dari pelanggan yang menyebabkan SBP lain mendapat komisyen. Komisyen adalah hak kepada SBP yang maklumat atau kod beliau diberikan oleh pelanggan sewaktu membuat pembayaran.

Pihak pengurusan mengambil langkah ini untuk memastikan operasi butik dan keberlangsungan program SBP adalah yang terbaik untuk syarikat dan kebaikan kedua belah pihak.

Terma dan syarat ini berkuatkuasa bermula 1 Disember 2020.



Terima kasih di atas kerjasama anda.

untuk SELLECTION SDN BHD,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Yang Benar".

.....  
Yang Benar,  
**(Pihak pengurusan Selection)**